

**UCAPAN PRESIDEN MUIS  
HJ MOHD ALAMI MUSA  
DI MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN  
MASJID AL-MAWADDAH  
21 MAY 2010**

Bagi pihak Muis, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada umat Islam di Singapura. Dengan sumbangan mereka ke dana MBMF dan derma langsung mereka kepada Jawatankuasa Pembangunan Masjid, kita telah dapat membina sebuah masjid moden serba lengkap dan gah ini. Marilah kita memanjatkan kesyukuran yang tidak terhingga kehadiran Ilahi oleh kerana dengan limpah kurniaNya, kita telah dianugerahkan dengan satu lagi masjid berkat semangat kesatuan dan gotong royong masyarakat Islam Singapura.

2 Saya juga ingin, bagi pihak Muis, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua sukarelawan yang telah berjaya mengumpul dana untuk membiayai kos hiasan dalaman dan peralatan. Jawatankuasa Pembangunan Masjid Al-Mawaddah yang dipimpin oleh Sdr Saifulbahri Rasno telah bekerja rapat dengan pihak Warees serta kontraktor untuk menyelesaikan projek pembinaan ini dengan baik. Hasilnya masjid kita ini telah diberi dua anugerah iaitu 'Green Mark Award' kerana terdapat beberapa ciri mesra alam dan 'BCA Universal Design Award' kerana rekaan prasarana bersepadu yang juga mesra keluarga dan mesra pengguna - termasuk mereka yang kurang upaya. Dengan pengiktirafan ini, masyarakat akan lebih yakin dengan taraf bangunan masjid dibina dengan kualiti yang tinggi menepati piawaian seni bina terkini.

3 Penglibatan para sukarelawan seperti mereka-mereka yang telah menjayakan projek pembangunan Masjid Al-Mawaddah merupakan faktor yang telah menyumbang kepada kekuatan institusi masjid di Singapura. Muis bergantung kepada tenaga sukarelawan untuk menggerakkan masjid kita. Tanpa sukarelawan, masjid-masjid kita tidak akan menjadi sekuat yang kita harapkan. Untuk ini, saya ingin, bagi pihak Muis, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua sukarelawan yang terlibat di semua 69 masjid di negara kita ini.

4 Sebagai dasar, Muis serahkan tanggungjawab memimpin dan mengurus masjid kepada sukarelawan yang menyumbangkan khidmat mereka melalui pelbagai cara – sama ada sebagai anggota Lembaga Pentadbir Masjid atau pun sebagai sukarelawan biasa tanpa memegang sebarang jawatan. Walaupun begitu, Muis sentiasa memberi bantuan, sokongan dan panduan kepada para sukarelawan. Misalnya, kita telah menyediakan beberapa garis pandu di dalam bidang-bidang pengurusan kewangan dan administrasi dalam bentuk manual untuk membantu para sukarelawan. Kami gembira dengan komitmen para sukarelawan kita. Hampir semua yang tampil ke hadapan telah memberi khidmat untuk tempoh yang agak panjang. Namun, Muis sentiasa menggalakkan lebih ramai untuk ke hadapan untuk berkhidmat dalam Lembaga Pentadbir Masjid sebagai proses pembaharuan dan demi untuk mencetus ide-ide baru untuk menafaat kita bersama.

5 Oleh kerana fungsi masjid kita pada hari ini telah bertambah dan banyak berubah, kita perlukan tenaga kerja sepenuh masa untuk membantu para sukarelawan. Walaupun masjid kita pada hari ini mempunyai ramai tenaga kerja sepenuh masa, termasuk di peringkat pengurusan, kuasa membuat keputusan serta menggubal dasar tetap

terletak di tangan Lembaga Pentadbir Masjid, mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Muis.

6 Kita boleh berbangga dengan semangat kesukarelawan tinggi yang terdapat dalam masyarakat kita untuk memakmurkan masjid. Ini adalah kekuatan yang mesti kita pelihara. Muis akan terus bergantung kepada tenaga sukarelawan dan akan menyokong mereka untuk menggerakkan masjid kita. Akhir sekali, saya ingin menyeru agar lebih ramai anggota masyarakat tampil ke hadapan dan menyumbang sebagai sukarelawan masjid kita.

Sekian.